



GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF SEKTOR AWAM (KIKSA) TAHUN 2023

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua agensi sektor awam mengenai objektif, bidang dan kategori, syarat penyertaan dan format dokumentasi projek bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA) Tahun 2023.

2.0 PENGENALAN

KIKSA ialah satu program yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi menyemarakkan budaya inovasi sektor awam. Program ini menyediakan platform pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat sektor awam bagi membolehkan agensi mengetengahkan projek KIK yang dihasilkan. Pengiktirafan yang diterima oleh KIK menjadi sumber inspirasi kepada inovator untuk menghasilkan lebih banyak projek yang berimpak tinggi dan berdaya saing.

3.0 OBJEKTIF

Objektif KIKSA adalah untuk:

- 3.1 memupuk budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan penjawat awam sektor awam;
- 3.2 menyediakan platform bagi meningkatkan kebolehan dan keupayaan penjawat awam untuk berinovasi; dan
- 3.3 mengiktiraf hasil projek KIK sektor awam.

4.0 BIDANG DAN KATEGORI PERTANDINGAN

Bidang dan Kategori KIKSA adalah berdasarkan Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2016 Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

5.0 SYARAT PENYERTAAN

Syarat penyertaan Konvensyen KIKSA adalah seperti berikut:

- 5.1 Penyertaan adalah **terbuka kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** kecuali Sekretariat konvensyen dan panel penilai;
- 5.2 Projek KIK yang dipertandingkan hendaklah **mendapat perakuan daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Inovasi Kementerian/Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri**;
- 5.3 Projek KIK yang dipertandingkan hendaklah **memenuhi bidang dan kategori inovasi berdasarkan Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2016**;
- 5.4 Projek KIK yang dihasilkan perlu memenuhi matlamat keberhasilan yang ditetapkan, iaitu **kecekapan agensi, keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan/atau kesejahteraan rakyat**;
- 5.5 Projek KIK yang ingin dipertandingkan hendaklah **telah dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh 12 bulan dan tidak melebihi tiga (3) tahun pelaksanaan** daripada tarikh tutup penyertaan;
- 5.6 Setiap projek KIK hanya layak menyertai **satu (1) kategori pertandingan sahaja**;
- 5.7 Projek KIK yang **tidak layak** menyertai KIKSA ialah:
 - 5.7.1 Projek KIK yang **telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan atau setaraf atau lebih tinggi anjuran agensi dalam negara atau luar negara pada tahun ini atau tahun-tahun sebelumnya**; dan
 - 5.7.2 Projek yang dibangunkan menggunakan **peruntukan/dana/geran yang berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D)**.
- 5.8 Pihak penganjur **berhak menukar kategori penyertaan projek KIK kepada kategori yang sewajarnya**. Sebarang pertukaran akan dimaklumkan kepada pemohon; dan
- 5.9 Pihak penganjur **berhak menolak penyertaan yang tidak memenuhi syarat pertandingan** yang telah ditetapkan.

6.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN

Kumpulan KIK yang berminat boleh mendaftarkan penyertaan melalui pautan <https://forms.gle/9x6EpEctJThp8K8R7>.

7.0 FORMAT DOKUMENTASI PROJEK

Format dokumentasi projek KIK adalah seperti dalam Lampiran A1.

8.0 PENGHANTARAN DOKUMENTASI PROJEK

Semua dokumentasi projek penyertaan hendaklah **dimuat naik secara dalam talian** melalui pautan <https://forms.gle/KyxEjUDwczEZSauc6> serta **menyerahkan dua (2) set dokumentasi projek (hardcopy)** sebelum atau pada **11 Ogos 2023 (Jumaat)** kepada:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan Pengurusan
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri (JPM)
Aras 3, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Sekretariat KIKSA)

9.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **11 Ogos 2023 (Jumaat)**. **Sebarang penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tersebut akan DITOLAK.**

10.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Pertanyaan lanjut berhubung Konvensyen KIKSA boleh dikemukakan melalui e-mel kepada kkiksa@mampu.gov.my atau di talian **03-8872 6355/6353**.

**Sekretariat
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA)
Tahun 2023**

FORMAT DOKUMENTASI PROJEK

1.0 Ringkasan Eksekutif

Penerangan ringkas mengenai projek KIK yang mengandungi penjelasan berkaitan bidang dan kategori inovasi, pencapaian keberhasilan (outcome) dan impak serta potensi pengembangan projek.

2.0 Perincian Projek

Perincian projek berserta pembuktian disediakan berdasarkan kriteria seperti berikut:

- i. Latar belakang kumpulan;
- ii. Signifikan pemilihan projek;
- iii. Tindakan penyelesaian;
- iv. Keberhasilan projek (outcome)/impak projek; dan
- v. Potensi pengembangan projek.

3.0 Format Dokumentasi Projek

- i. Dokumen hendaklah disediakan dalam **Bahasa Melayu**;
- ii. Dokumen disediakan dengan menggunakan **huruf Arial**, saiz huruf yang digunakan adalah **12 poin**, **selang baris (line spacing) 1.15** dan teks ditaip **santak kiri dan kanan (justified)**;
- iii. Dokumen hendaklah mempunyai **senarai kandungan** dan **bilangan muka surat**;
- iv. Dokumen hendaklah disediakan secara **jilid sisir (comb-binding)**; dan
- v. **Bilangan maksimum muka surat** bagi **Ringkasan Eksekutif (1 muka surat)**, **Perincian Projek (15 muka surat)** dan **Lampiran (30 muka surat)**.
- vi. Sekretariat berhak **menolak penyertaan** dokumentasi yang **tidak mematuhi format dokumentasi projek**.